

AHMAD NAWAB - PENCIPTA LAGU-LAGU POPULAR TANAH AIR

KES STUDY - PENGANALISAAN LAGU-LAGU CIPTAAN BELIAU
SEPANJANG EMPAT DEKAD
(50, 60, 70 DAN 80AN)

OLEH

MARTIAS BIN MOHD ALI

86654218

Tesis ini dikemukakan kepada kajian Seni Lukis Seni Reka, Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka.

Diluluskan Oleh _____ Tarikh • _____

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN

SINOPSIS

BAB

1.	PENDAHULUAN	
	1.1. Pengenalan	1
	1.2. Tujuan Penyelidikan	4
	1.3. Kaedah Penyelidikan	5
	1.4. Skop Penyelidikan	6
	1.5. Tempat Penyelidikan	6
	1.6. Permasalahan	7
2.	SEJARAH HIDUP AHMAD NAWAB	
	2.1. Latar Belakang	8
	2.2. Penglibatan Ahmad Nawab Di Dalam Bidang Muzik	10
	2.2.1. Ahmad Nawab Dan Karya-karyanya	14
	2.3. Dorongan Utama Kejayaan Beliau	15
	2.4. Pengkhususan	16
	2.4.1. Tahun 1950 an	16
	2.4.2. Tahun 1960 an	17
	2.4.3. Tahun 1970 an	20
	2.4.4. Tahun 1980 an	24

PERHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah
lagi Maha Mengasihani

Bersyukur penulis kehadiran Yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnianya dapat juga penulis juga bersyukur ke hadrat Ilahi kerana berkat kesabaran dan dorongan dari teman-teman serta keluarga penulis dapat menempuh segala cabaran dan dugaan yang mendatang dengan tenang. Alhamdulillah.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penasihat penulis iaitu Encik Hamdan kerana telah memberi penulis tunjuk ajar serta nasihat di dalam menyempurnakan tugas ini. Ribuan terima kasih juga penulis ucapkan kepada kesemua pensyarah Muzik di atas dorongan serta tunjuk ajar mereka selama ini.

Penulis juga ingin merakamkan ungkapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua orang tua penulis yang sanggup berkorban demi masa depan penulis. Sesungguhnya penulis tidak akan dapat melupakannya hinggalah akhir hayat ini. Inshaallah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga penulis ucapkan kepada Encik Ahmad Nawab di atas kesudian beliau membantu penulis menyiapkan serta meluangkan masa yang amat berharga bagi beliau untuk bersua muka dengan penulis. Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih ini kepada orang-orang perseorangan iaitu Encik M. Nasir, En Nassir Wahab, Cik Ramlah Ram, Encik Zalikamari, Encik Rodzuan Ismail, Encik Hong serta kakitangan Khazanah P. Ramlee di Angkasapuri RTM di atas kesudian mereka membantu penulis di dalam beberapa hal.

SINOPSIS

Kajian ini di buat adalah untuk mengupas lagu-lagu yang pernah dicipta oleh Ahmad Nawab sepanjang empat dekad. penulis akan menganalisa secara menyeluruh berkenaan lagu-lagu ciptaan beliau dan sambutan lagu-lagu ciptaan beliau oleh peminat muzik tanahair. Penulis juga akan mengkaji beberapa aspek yang mempengaruhi kepopularan lagu-lagu ciptaan beliau.

Bab I

Dalam bab yang pertama ini penulis akan membuat satu pendekatan terhadap tajuk yang penulis pilih untuk dibuat kajian. Penulis akan mengenal pasti beberapa kerumitan di dalam menyempurnakan kajian selidik ini. Tumpuan terhadap tempat kajian dijalankan dan skop penyelidikan akan penulis bentangkan.

Bab II

Dalam bab ini penulis akan menerangkan tentang latar belakang Ahmad Nawab dan penulis akan membuat satu pengkhususan terhadap lagu-lagu ciptaan beliau. Penulis juga akan menyertakan senarai-senarai lagu yang dapat dikumpulkan oleh penulis dari tahun '50 an hinggalah ke tahun '80 an.

Bab III

Bab ini merupakan bab yang terpenting sekali kerana di dalam bab inilah penulis akan menghuraikan penganalisaan penulis terhadap lagu-lagu ciptaan Ahmad Nawab. Penulis telah menyenaraikan beberapa faktor untuk dihuraikan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang penciptaan lagu merupakan satu cabang seni muzik yang tidak dapat dimonopoli oleh semua pencinta seni muzik. Walaupun terdapat ramai pemuzik-pemuzik yang berkaliber di tanahair ini, namun tidak semua mampu menjadi seorang pencipta lagu yang berjaya walaupun mereka boleh mencipta lagu.

Terdapat satu perbezaan di antara seorang pencipta lagu dengan seorang komposer. Perbezaan ini meletakkan seorang komposer itu ke darjat yang lebih tinggi dibandingkan dengan seorang pencipta lagu.

Pencipta lagu merupakan karyawan yang mengarang lagu samada dalam bentuk nota muzik ataupun dalam bentuk rakaman.

Berlainan pula dengan seorang komposer di mana terpaksa mengubah lagu ciptaan beliau itu menjadi satu muzik yang lengkap.